

Manifesto BN Berdasarkan Perkara Realistik - Zambry Abdul Kadir
Bernama
7 April, 2013

IPOH, 7 April (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional (BN), yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Sabtu adalah satu dokumen 'aku janji' yang dirangka berdasarkan perkara-perkara realistik yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh kerajaan.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata manifesto berkenaan akan diedarkan kepada semua pengundi di negeri ini selepas selesai dicetak.

"Rakyat boleh menilai apakah aku janji ini sekadar janji kosong? Kita (BN) letak dalam manifesto itu apa yang telah kita buat dan apa yang akan kita teruskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program motivasi untuk warga industri di Ipoh, Ahad.

Zambry berkata BN negeri akan juga melancarkan manifesto di peringkat negeri dalam tempoh terdekat sebagai tambahan kepada manifesto BN peringkat nasional.

"Manifesto ini kita dibuat berdasarkan apa yang kita lakukan dan usahakan untuk menjadikan Perak sebagai negeri maju berdasarkan Perak Amanjaya," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940179>